

SK Sungai Anib II lawat UMS

Oleh **VITALIS BINGKASAN**

vbingkasan@yahoo.com

uB 16/11/14 A6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjadi salah satu destinasi rombongan SK Sungai Anib II, Sandakan dalam program lawatan sambil belajar di Kota Kinabalu pada 10 hingga 12 November lalu.

Rombongan yang terdiri dari lapan guru dan 31 pelajar Tahun Enam tersebut diketuai guru sekolah, Ahadia Soaibah.

Ahadia berkata, lawatan sambil belajar di bawah program Jejak Ilmu anjuran Panitia dan Persatuan Sains bersama Unit Bimbingan dan Kaunseling tersebut antara lain bertujuan memberi suntikan galakan dan motivasi kepada guru dan pelajar.

“Lawatan seumpama ini memperkenalkan murid kepada daerah luar akan membuka minda mereka, menjadikan mereka

berfikiran terbuka. Ini penting untuk membangunkan sahsiah murid menuju pembangunan diri,” katanya.

Mengenai lawatan di UMS, beliau memberitahu bahawa ianya telah memberi gambaran sebenar kepada murid bagaimana suasana pembelajaran dan kehidupan di universiti.

Di UMS mereka telah melawat Pusat Sukan, Bahagian Perhubungan Dan Korporat dan MPP.

Selain UMS, rombongan tersebut juga telah melawat KK FM, Taman Hidupan Liar Lok Kawi, Muzium Sabah dan pantai Tanjung Aru.

Sambil berterima kasih kepada Guru Besarnya, Haji Jamal bin Asim dan Pejabat Pelajaran Daerah Sandakan dan Negeri kerana membantu menjayakan lawatan itu, beliau berharap program seumpama itu akan dijadikan acara tahunan.



CENDERAKENANGAN ... Pegawai Belia Dan Sukan UMS, Charles Thomas menyampaikan cenderakenangan kepada salah seorang guru sekolah berkenaan, Nuhasdah Hasanuddin.



ALBUM ... Rombongan SK Sungai Anib II merakamkan gambar kenangan dengan kakitangan UMS.